

## MANCHESTER UNITED DATA PROTECTION NOTICE

**About us.** Manchester United is a group of companies which includes Manchester United PLC, Manchester United Football Club Ltd, Manchester United Interactive Ltd and Manchester United Catering Ltd (together "MU", "we" and "us").

**How we will use your information.** We will keep the information you provide with other information we have from your dealings with us and our commercial partners secure (whether the information is paper based or held in our computerised databases) and will use it to:

- administer any services and/or products we provide you with;
- understand your preferences and profile so that we can improve the services we offer and to enable us to provide you with offers that we believe will be of interest to you.

**Public Bank.** We are pleased to introduce you to Public Bank the provider of the product(s) you are requesting. Public Bank will use the information in your application and other information sources as follows:

- to administer any products it provides you with;
- to help manage your account, the One United Membership Scheme, RedRewards Prize Draw and any such other purposes as may be appropriate from time to time;
- to let us know about your take-up (which will include letting us know about whether your application is accepted or declined) and use of the product(s) you have selected and administration details;
- to let us know your preferences and profile so that we can improve the services we offer and to enable us to provide you with further offers that may be of interest to you.

**Offers and opportunities.** MU teams up with a selection of carefully chosen commercial partners (an up-to-date list of these is on our website at [www.manutd.com](http://www.manutd.com) or from Customer Service, PB Card Services, Level 10, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, P O Box 11722, 50754 Kuala Lumpur) to bring fans a diverse range of opportunities and offers at competitive prices. MU and/or these commercial partners may contact you with details of offers by post, telephone, text/picture/video message, digital television, facsimile or by email and these commercial partners may let us know if you have expressed an interest in their offers.

**Monitoring calls.** We may monitor or record telephone calls for security purposes and to improve the quality of our services to you.

**Consent.** By submitting this application you will be indicating your consent to us and to our commercial partners sending marketing offers to you by post, telephone, text/picture/video message, digital television, facsimile and email. You also confirm that you are entitled to disclose information about anybody else you mention in your application and have informed them how their information will be used and that you accept that some of the above activities may take place outside the European Union (although in this case we will ensure your information is adequately protected).

**Your rights.** You have the right to request a copy of the information we hold about you (for which we may charge a small fee) and to correct any inaccuracies. Our full privacy policy is set out on our website or is available free of charge from Customer Service, PB Card Services, Level 10, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, P O Box 11722, 50754 Kuala Lumpur.

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA MANCHESTER UNITED

**Mengenai kami.** Manchester United adalah kumpulan syarikat yang termasuk Manchester United PLC, Manchester United Football Club Ltd, Manchester United Interactive Ltd dan Manchester United Catering Ltd (kesemuanya dirujuk sebagai "MU" dan "kami").

**Bagaimana kami akan menggunakan maklumat anda.** Kami akan menyimpan maklumat yang anda berikan bersama-sama dengan maklumat lain yang kami ada daripada urusan niaga anda dengan kami dan rakan perdagangan kami dengan selamat (sama ada maklumat tersebut ditulis atau disimpan di dalam pangkalan data komputer kami) dan akan digunakan untuk:

- menguruskan apa-apa perkhidmatan dan/atau produk yang kami beri kepada anda;
- memahami kehendak dan profil anda supaya kami boleh meningkatkan lagi perkhidmatan yang kami tawarkan dan membolehkan kami memberi anda tawaran-tawaran yang kami percaya akan menarik minat anda.

**Public Bank.** Sukacita kami memperkenalkan anda kepada Public Bank, penyedia produk-produk yang anda pohon. Public Bank akan menggunakan maklumat dalam permohonan anda dan sumber-sumber maklumat lain seperti berikut:

- untuk menguruskan apa-apa produk yang disediakan untuk anda;
- untuk membantu mengendalikan akaun anda, Skim Keahlian One United, Hadiah Cabutan RedRewards dan apa-apa tujuan lain yang sesuai dari semasa ke semasa;
- untuk memberitahu kami mengenai penerimaan tawaran oleh anda (termasuk memberitahu mereka sama ada permohonan anda diterima atau ditolak) dan penggunaan produk yang anda telah pilih serta butir-butir mengenai pengurusanannya;
- untuk memberitahu kami keutamaan dan profil anda supaya kami boleh meningkatkan lagi perkhidmatan yang kami tawarkan dan untuk membolehkan kami memberi anda tawaran selanjutnya yang mungkin menarik minat anda.

**Tawaran dan peluang.** MU bekerjasama dengan rakan perniagaan yang terpilih (senarai terkini mengenainya boleh didapati di laman web kami di [www.manutd.com](http://www.manutd.com) atau daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Perkhidmatan Kad PB, Tingkat 10, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, Peti Surat 11722, 50754 Kuala Lumpur) untuk membawa kepada para peminat pelbagai peluang dan tawaran pada harga yang kompetitif. MU dan/atau rakan-rakan perniagaan ini boleh menghubungi anda dengan butir-butir tawaran melalui pos, telefon, mesej teks/gambar/video, televisyen digital, faksimili atau e-mel dan rakan-rakan perniagaan ini boleh memaklumkan kepada kami sekiranya anda telah menyatakan minat terhadap tawaran mereka.

**Memantau panggilan telefon.** Kami boleh memantau atau merekodkan panggilan telefon bagi tujuan keselamatan dan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kami kepada anda.

**Kebenaran.** Dengan mengemukakan permohonan ini anda akan menyatakan kebenaran anda kepada kami dan kepada rakan perniagaan kami yang menghantar tawaran pemasaran kepada anda melalui pos, telefon, mesej teks/gambar/video, televisyen digital, faksimili dan e-mel. Anda juga mengesahkan bahawa anda layak untuk mendedahkan maklumat mengenai sesiapa sahaja yang anda sebut dalam borang permohonan dan telah memaklumkan kepada mereka bagaimana maklumat mereka akan digunakan dan bahawa anda menerima bahawa sesetengah aktiviti di atas mungkin dijalankan di luar Kesatuan Eropah (walaupun dalam kes ini kami akan memastikan maklumat anda dilindungi dengan sewajarnya).

**Hak anda.** Anda berhak untuk memohon satu salinan maklumat yang kami simpan mengenai anda (anda mungkin dikenakan sedikit bayaran) dan untuk membetulkan apa-apa yang tidak tepat. Dasar kerahsiaan kami dijelaskan sepenuhnya dalam laman web kami atau boleh diperolehi secara percuma daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Perkhidmatan Kad PB, Tingkat 10, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, Peti Surat 11722, 50754 Kuala Lumpur.